



ISMAIL (enam, kiri) menyampaikan kuih raya kepada kakitangan UMSKAL di ruang legar Bangunan Menara universiti itu, Isnin lalu.

Staf UMSKAL terima kuih raya

WB 23.7.2014 B4

BUAT julung kalinya sempena Aidilfitri, kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menerima kuih raya sempena sambutan Aidilfitri tahun ini.

Mereka menerima bungkusan kuih raya itu daripada Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali di ruang legar Bangunan Menara

universiti itu, Isnin lalu.

Kuih raya itu disumbangkan pengurusan universiti dengan kerjasama Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (Kesumba) UMS Cawangan Labuan.

Dr. Ismail berkata sumbangan kuih raya itu sebagai tanda terima kasih kepada semua kakitangan yang sentiasa komited terhadap tugas yang diamanahkan selain menceriaikan Hari Raya

Aidilfitri kali ini.

Turut menyampaikan bantuan ialah Timbalan Pengarah Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Pendaftar Zamri Mohamad Tuah.

Seorang kakitangan, A. Roslee A. Karim mengucapkan terima kasih kepada pengurusan universiti yang sentiasa menjaga kebajikan kakitangan termasuk memberikan kuih raya.